

Sunyi punca lepas nafsu cara pelik

Kuala Lumpur: Jauh dari keluarga menjadi punca segelintir lelaki warga asing cuba memuaskan nafsu dengan cara pelik termasuk mengintai wanita di tandas.

Pakar Kriminologi Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Dr Mohammad Rahim Kamaluddin berkata, pembabitatan lelaki warga asing dengan aktiviti tidak bermoral itu membimbangkan.

“Jika ditahan, mereka menganggap tiada apa perlu dirisaukan kerana identiti mereka tidak dikenali sehingga mereka begitu yakin melakukannya.

“Kejadian mengintai wanita di tandas banyak kali berlaku, namun tidak banyak tangkapan dibuat,” katanya.

Beliau berkata, ia kerana mangsa tidak menyedari mereka diintai atau mereka sedar tetapi malu melaporkan kepada pihak berkuasa.

“Kebiasaannya, individu cenderung mengintai wanita bermula sejak kecil dan menjadikan ahli keluarga sebagai sasaran.

“Apabila menjadi tabiat, perbuatan itu dilakukan pula ke atas individu yang tidak dikenali,” katanya.

Dr Mohammad Rahim berkata, individu itu mempunyai rangsangan seksual tinggi, namun bersikap penakut.